



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH KESEJAHTERAAN, KECERDASAN EMOSI DAN
SPIRITUAL SERTA EFIKASI KENDIRI TERHADAP
PERKEMBANGAN DIRI KAUNSELOR PELATIH***

MAZILA GHAZALI

FPP 2017 23



**PENGARUH KESEJAHTERAAN, KECERDASAN EMOSI DAN
SPIRITUAL SERTA EFIKASI KENDIRI TERHADAP
PERKEMBANGAN DIRI KAUNSELOR PELATIH**

Oleh

MAZILA GHAZALI

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana - mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENGARUH KESEJAHTERAAN, KECERDASAN EMOSI DAN
SPIRITUAL SERTA EFIKASI KENDIRI TERHADAP
PERKEMBANGAN DIRI KAUNSELOR PELATIH**

Oleh

MAZILA BINTI GHAZALI

Ogos 2017

Pengerusi: Sidek Mohd Noah, PhD
Fakulti: Pengajian Pendidikan

Perkembangan diri adalah merupakan faktor penting yang perlu diberi perhatian oleh kaunselor pelatih. Kajian secara terperinci berkaitan perkembangan diri kaunselor pelatih perlu dijalankan bagi mengenal pasti apakah faktor yang mempengaruhi perkembangan diri kaunselor pelatih. Memandangkan kaunselor pelatih merupakan individu yang berdepan dengan pelbagai masalah sosial dan psikologi yang memerlukan pengurusan segera dan berkemahiran, maka adalah wajar faktor perkembangan diri kaunselor pelatih diberi perhatian. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap, hubungan dan pengaruh kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar kaunseling tahun akhir peringkat ijazah sarjana muda kaunseling yang sedang menjalani latihan internship dari lima buah universiti awam. Seterusnya kajian ini juga akan menghasilkan model perkembangan diri kaunselor pelatih.

Reka bentuk kajian ini adalah kombinasi reka bentuk kajian deskriptif dan korelasi. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis tahap kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih. Manakala statistik inferensi digunakan untuk mengkaji hubungan dan pengaruh antara pemboleh ubah *exogenous* dengan pemboleh ubah *endogenous*. Kajian ini melibatkan 208 responden yang telah dipilih secara rawak berstrata. Satu set soal selidik yang mengandungi lima bahagian digunakan dalam kajian, iaitu soal selidik Persepsi Kesejahteraan (Adams et al., 1997), soal selidik Kecerdasan Emosi (Schutte et al., 1998), soal selidik Kecerdasan Spiritual (adaptasi dan ubahsuai dari SIBS oleh Hatch dan Schultz (2002), soal selidik Efikasi Kendiri Kaunseling (Larson et al., 1992) dan soal selidik Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih *SLQ-R* (McNeill et al., 1992). Kesemua

soal selidik ini telah diubahsuai oleh pengkaji dan analisis faktor eksploratori telah dijalankan. Analisis data dalam kajian ini telah dilaksanakan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) dan perisian *Analysis of Moment Structures* (AMOS) (IBM SPSS_AMOS VERSI 21.0).

Dapatan kajian menunjukkan persepsi kesejahteraan mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan diri kaunselor pelatih ($p < .05$), kecerdasan emosi juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan diri kaunselor pelatih ($p < .05$), seterusnya kecerdasan spiritual mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan diri kaunselor pelatih ($p < .05$) dan efikasi sendiri kaunseling turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan diri kaunselor pelatih ($p < .05$). Seterusnya analisis regresi menunjukkan kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan efikasi sendiri kaunseling juga menunjukkan kesan yang signifikan terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih ($p < .05$). Hipotesis kajian menunjukkan terdapat hubungan dan pengaruh yang signifikan antara kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih adalah diterima. Manakala nilai ($R^2 = .83$) menunjukkan Model Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih (Model PDKP) adalah bagus kerana konstruk *exogenous* kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan efikasi sendiri kaunseling dapat mengukur konstruk *endogenous* perkembangan diri sebanyak 83%. Dalam masa yang sama, *fitness indexes* memenuhi semua kriteria dan juga *factor loading* adalah tinggi ($> .60$), jelas menunjukkan bahawa model perkembangan diri kaunselor pelatih yang dihasilkan adalah sepadan dengan data kajian.

Maklumat yang dihasilkan dalam kajian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh pihak yang berkepentingan untuk merancang dan melaksanakan program intervensi atau aktiviti pembangunan pelajar kaunseling. Seterusnya kajian ini menghasilkan satu model perkembangan diri kaunselor pelatih. Dengan itu, dapatan kajian ini akan memberi sumbangan kepada pembinaan model berkaitan pemboleh ubah yang dikaji dalam konteks negara Malaysia. Dari sudut metodologi, model pengukuran berstruktur adalah pertama kali digunakan untuk kajian perkembangan diri kaunselor pelatih dalam negara yang telah menyumbang kepada satu literatur baru.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**INFLUENCE OF WELLNESS, EMOTIONAL INTELLIGENCE AND
SPIRITUAL OR SELF EFFICACY TOWARD COUNSELOR TRAINEES'
SELF DEVELOPMENT**

By

MAZILA BINTI GHAZALI

August 2017

Chairman: Sidek Mohd Noah, PhD
Faculty: Educational Studies

Counselor trainees self development is an important factor that should be given attention. A detail study on counselor trainee self development should be conducted to identify what factor influence the self development of the counselor trainee. Counselor trainee are individuals who face a variety of social and psychological problems that require immediate management and skills, it is reasonable that the counselor trainee factor of self development are given attention.

Therefore this study was conducted to examine the self development of counselor trainee. The objective of this study is to identify the level, relationship and influence of wellness, emotional intelligence and spiritual or counseling self-efficacy for self development of counselor trainee. The study was conducted from the internship bachelor's degree of counseling from five public universities. The study will also generate a self development model that fit to the counselor trainee survey data.

The study design is a combination of descriptive and correlational study. Statistics descriptive were used to analyze the level of wellness, emotional intelligence and spiritual or counseling self efficacy toward self development of trainee counselor. While statistics inferential were used to investigate the relationship and influence between exogenous variables with the endogenous variable. The study involved 208 respondents whom were randomly selected. Respondents selected from population using the stratified random sampling method. A set of questionnaire containing five sections, were used which are questionnaires on Perceived Wellness Inventory (Adams et al., 1997), Emotional Intelligence Inventory (Schutte et al., 1998), Spiritual Intelligence Inventory

(Hatch and Schultz, 2002), Counseling Self Efficacy Inventory (Larson et al., 1992) and Self Development Inventory, SLQ-R (McNeill et al., 1992). Data analysis in this study has been carried out using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) and Analysis of Moment Structures AMOS (IBM SPSS_AMOS VERSION 21.0).

Result showed that wellness perceptions had a significant relationship with the studied self development of trainee counselor ($p < .05$). Emotional intelligence also had a significant relationship with the studied self development of trainee counselor ($p < .05$), thus spiritual intelligence has a significant relationship with the studied self development of trainee counselor ($p < .05$) and counseling self efficacy also have significant relationship with the studied self development of trainee counselor ($p < .05$). Next, wellness perceptions, emotional intelligence and spiritual or counseling self efficacy regression showed a significant impact on the self development of counselor trainee with the value of ($p < .05$). Hypotheses that shows there is a correlation and significant influence of wellness, emotional intelligence, and spiritual intelligence or counseling self efficacy and self development of trainee counselor is accepted. While the value ($R^2 = .83$) proved that the model, exogenous construct of wellness perceptions, emotional intelligence, spiritual intelligence, counseling self efficacy and endogenous constructs can measure self-development 83%. At the same time, the fact that the fitness indexes fulfilled all the criteria and the factor loading is high ($> .60$), clearly show that the resulting self development trainee counselor is fit with the survey data.

The information generated in this study can serve as a guide and reference by those who are interested to design and implement intervention programs of counseling students' development activities. The study also produced a model of counselor trainee self development. Therefore, this study will contribute to the developed of a model relating the variables studied in the Malaysian context. From a methodological point, structural equation modeling is first used to study the self development of counselor trainee in the country have contributed to a new literature review method.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah...

Segala Puji Bagi Allah, Yang Maha Pengasih dan Penyayang. Akhirnya dengan berkat dan izinNYA jua saya berjaya menyempurnakan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada barisan penyelia terutama Profesor Dr. Sidek Mohd Noah, yang sentiasa memberi dorongan dan semangat serta perkongsian ilmu yang cukup bermakna sehingga tesis ini berjaya disempurnakan. Penghargaan juga diberikan kepada Prof. Madya Dr. Siti Aishah Hassan dan Dr. Wan Marzuki Wan Jaafar, selaku penyelia bersama yang telah banyak memberi bimbingan dan nasihat untuk tesis ini disempurnakan.

Penghargaan ini turut dirakamkan kepada insan istimewa dalam hidup saya, suami tercinta Ahmad Huzaimi bin Ali dan anak-anak tersayang, Farhah Nur Nabila Ahmad Huzaimi, Farhah Nur Batrisyia Ahmad Huzaimi, Farhah Nur Insyirah Ahmad Huzaimi dan Farhah Nur Dhiasafiya Ahmad Huzaimi berkat kesabaran, sokongan dan pengorbanan yang diberikan oleh kalian hanya ALLAH yang mampu membalasnya.

Terima kasih atas doa semua. Sesungguhnya dari DIA kita datang dan kepadaNYA jua kita kembali.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 3 Ogos 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mazila binti Ghazali bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pengaruh Kesejahteraan, Kecerdasan Emosi dan Spiritual serta Efikasi Kendiri terhadap Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ramli Basri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hj. Jamaludin bin Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Tajularipin bin Sulaiman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Salleh Amat, PhD

Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 30 November 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Sidek Mohd Noah, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Siti Aishah Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Wan Marzuki Wan Jaafar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012 - 2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Mazila binti Ghazali GS38627

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah - Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012 - 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Profesor Dr. Sidek Mohd Noah

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Siti Aishah Hassan

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Wan Marzuki Wan Jaafar

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xx
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.4.1 Objektif Umum	8
1.4.2 Objektif Khusus	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Skop Kajian	11
1.9 Limitasi Kajian	11
1.10 Definisi Pemboleh Ubah dalam Kajian	12
1.10.1 Kesejahteraan	12
1.10.2 Kecerdasan Emosi	12
1.10.3 Kecerdasan Spiritual	13
1.10.4 Efikasi Kendiri	13
1.10.5 Perkembangan Diri	13
1.10.6 Kaunselor Pelatih	14
1.11 Ringkasan	14
2 TINJAUAN LITERATUR	16
2.1 Pengenalan	16
2.2 Kepentingan Kesejahteraan	16
2.3 Kepentingan Kecerdasan Emosi	18
2.4 Kepentingan Kecerdasan Spiritual	19
2.5 Kepentingan Efikasi Kendiri Kaunseling	21
2.6 Kepentingan Perkembangan Diri	21
2.7 Latar Belakang Teori	22
2.7.1 Teori dan Model Kesejahteraan Teori Adler dan Maslow	22
2.7.2 Teori dan Model Kecerdasan Emosi Mayer dan Salovey (1997) dan Goleman (1995)	27
2.7.3 Teori dan Model Kecerdasan Spiritual	34

2.7.4	Teori Efikasi Kendiri Albert Bandura (1986)	38
2.7.5	Teori dan Model Perkembangan Diri Stolternberg (1998)	44
2.8	Kerangka Teoritik Kajian	46
2.9	Kajian Lepas Berkaitan Penyelidikan	47
2.9.1	Tahap Persepsi Kesejahteraan, Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual, Efikasi Kendiri Kaunseling Terhadap Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	48
2.9.2	Hubungan Persepsi Kesejahteraan, Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual, Efikasi Kendiri Kaunseling dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	51
2.9.2.1	Hubungan Persepsi Kesejahteraan dengan Perkembangan Diri	52
2.9.2.2	Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Perkembangan Diri	54
2.9.2.3	Hubungan Kecerdasan Spiritual dengan Perkembangan Diri	56
2.9.2.4	Hubungan Efikasi Kendiri Kaunseling dengan Perkembangan Diri	58
2.9.3	Pengaruh Persepsi Kesejahteraan, Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual dan Efikasi Kendiri Kaunseling terhadap Perkembangan Diri	60
2.10	Kerangka Konseptual Kajian	62
2.11	Ringkasan	63
3.	METODOLOGI KAJIAN	64
3.1	Pengenalan	64
3.2	Reka Bentuk Kajian	64
3.3	Tempat Kajian	65
3.4	Subjek Kajian	65
3.4.1	Populasi Kajian	65
3.4.2	Sampel Kajian	66
3.4.2.1	Saiz Sampel Kajian	66
3.4.2.2	Analisis Kuasa dan Saiz Kesan	67
3.4.3	Teknik Persampelan	67
3.5	Alat Kajian	68
3.5.1	Soal Selidik Persepsi Kesejahteraan	69
3.5.2	Soal Selidik Kecerdasan Emosi	70
3.5.3	Soal Selidik Kecerdasan Spiritual	70
3.5.4	Soal Selidik Efikasi Kendiri Kaunseling	71
3.5.5	Soal Selidik Perkembangan Diri	72
3.5.6	Kajian Rintis	73
3.5.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik	73
3.5.8	Kesahan Pakar	74
3.5.9	Analisis Faktor Eksploratori Konstruk Kecerdasan Emosi	75
3.5.9.1	Dimensi atau Komponen dan Jumlah	

	Varian Kecerdasan Emosi	75
3.5.9.2	Kebolehpercayaan Dalam Soal Selidik Mengukur Kecerdasan Emosi	76
3.5.10	Analisis Faktor Eksploratori Konstruk Kecerdasan Spiritual	76
3.5.10.1	Dimensi atau Komponen dan Jumlah Varian Kecerdasan Spiritual	77
3.5.10.2	Kebolehpercayaan Dalam Soal Selidik Mengukur Kecerdasan Spiritual	78
3.5.11	Analisis Faktor Eksploratori Konstruk Efikasi Kendiri Kaunseling	78
3.5.11.1	Dimensi atau Komponen dan Jumlah Varian Efikasi Kendiri Kaunseling	79
3.5.11.2	Kebolehpercayaan Dalam Soal Selidik Mengukur Efikasi Kendiri Kaunseling	79
3.5.12	Analisis Faktor Eksploratori Konstruk Persepsi Kesejahteraan	80
3.5.12.1	Dimensi atau Komponen dan Jumlah Varian Persepsi Kesejahteraan	81
3.5.12.2	Kebolehpercayaan Dalam Soal Selidik Mengukur Persepsi Kesejahteraan	81
3.5.13	Analisis Faktor Eksploratori Konstruk Perkembangan Diri	82
3.5.13.1	Dimensi atau Komponen dan Jumlah Varian Perkembangan Diri	83
3.5.13.2	Kebolehpercayaan Dalam Soal Selidik Mengukur Perkembangan Diri	83
3.6	Tatacara Kajian	84
3.7	Penganalisan Data	85
3.7.1	Teknik Analisis Deskriptif	85
3.7.1	Teknik Model Persamaan Berstruktur (SEM)	86
3.8	Normaliti	87
3.9	Ringkasan	88
4.	DAPATAN KAJIAN	90
4.1	Pengenalan	90
4.2	Ciri-Ciri Demografi Responden	90
4.3	Tahap Persepsi Kesejahteraan, Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual, Efikasi Kendiri Kaunseling dan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	93
4.4	Hubungan Persepsi Kesejahteraan, Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual, Efikasi Kendiri Kaunseling dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	94
4.5	Pengaruh Persepsi Kesejahteraan, Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual, Efikasi Kendiri Kaunseling terhadap Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	96
4.5	Kesepadanan Model dengan Data Kajian	98

4.5.1	Analisis Faktor Konfirmatori Kecerdasan Emosi	100
4.5.1.1	Penilaian Untuk <i>Average Variance Extracted</i> dan <i>Composite Reliability</i> Kecerdasan Emosi	101
4.5.2	Analisis Faktor Konfirmatori Kecerdasan Spiritual	103
4.5.2.1	Penilaian Untuk Kesahan <i>Average Variance Extracted</i> dan <i>Composite Reliability</i> Kecerdasan Spiritual	103
4.5.3	Analisis Faktor Konfirmatori Efikasi Kendiri Kaunseling	105
4.5.3.1	Penilaian Untuk Kesahan <i>Average Variance Extracted</i> dan <i>Composite Reliability</i> Efikasi Kendiri Kaunseling	107
4.5.4	Analisis Faktor Konfirmatori Persepsi Kesejahteraan	109
4.5.4.1	Penilaian untuk Kesahan <i>Average Variance Extracted</i> dan <i>Composite Reliability</i> Persepsi Kesejahteraan	112
4.5.5	Analisis Faktor Konfirmatori Perkembangan Diri	113
4.5.5.1	Penilaian untuk Kesahan <i>Average Variance Extracted</i> dan <i>Composite Reliability</i> Perkembangan Diri	114
4.6	Model Pengukuran Terkumpul untuk Semua Konstruk	115
4.7	Model Pengukuran dan Model Persamaan Berstruktur (SEM)	118
4.8	Model Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih Sepadan dengan Data Kajian	121
4.9	Ringkasan	122
5.	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	123
5.1	Pengenalan	123
5.2	Rumusan Kajian	123
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	124
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	125
5.4.1	Tahap Persepsi Kesejahteraan, Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual, Efikasi Kendiri Kaunseling dan Perkembangan Diri	126
5.4.2	Hubungan Persepsi Kesejahteraan, Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual, Efikasi Kendiri Kaunseling dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	130
5.4.2.1	Hubungan Persepsi Kesejahteraan dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	130
5.4.2.2	Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	132
5.4.2.3	Hubungan Kecerdasan Spiritual dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	133

5.4.2.4	Hubungan Efikasi Kendiri Kaunseling dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	134
5.4.3	Pengaruh Persepsi Kesejahteraan, Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual, Efikasi Kendiri Kaunseling terhadap Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	136
5.4.4	Sumbangan Model Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih (Model PDKP)	138
5.5	Implikasi Kajian	142
5.5.1	Implikasi Teori	142
5.5.2	Implikasi daripada Aspek Amalan Praktik	143
5.6	Cadangan Kajian	145
5.7	Penutup	146
	RUJUKAN	147
	LAMPIRAN	162
	BIODATA PELAJAR	210
	SENARAI PENERBITAN	211

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Komponen kesejahteraan	26
3.1	Populasi kajian	66
3.2	Pecahan sampel kajian berdasarkan universiti awam mengikut teknik persampelan rawak berstrata	68
3.3	Soal selidik kajian mengikut pemboleh ubah kajian	69
3.4	Komponen persepsi kesejahteraan	70
3.5	Komponen kecerdasan emosi	70
3.6	Komponen kecerdasan spiritual	71
3.7	Komponen efikasi sendiri kaunseling	72
3.8	Komponen perkembangan diri	72
3.9	Ujian <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's</i> untuk konstruk kecerdasan emosi	75
3.10	Analisis kebolehpercayaan setiap komponen dalam mengukur konstruk kecerdasan emosi	76
3.11	Ujian <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's</i> untuk konstruk kecerdasan spiritual	77
3.12	Analisis kebolehpercayaan setiap komponen dalam mengukur konstruk kecerdasan spiritual	78
3.13	Ujian <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's</i> untuk konstruk efikasi sendiri kaunseling	79
3.14	Kebolehpercayaan setiap komponen efikasi sendiri kaunseling	80
3.15	Ujian <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's</i> untuk konstruk persepsi kesejahteraan	81
3.16	Analisis kebolehpercayaan setiap komponen persepsi kesejahteraan	82
3.17	Ujian <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's</i> untuk konstruk perkembangan diri	83
3.18	Ujian <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's</i> untuk konstruk perkembangan diri	84
3.19	Analisis kebolehpercayaan setiap komponen perkembangan diri	86
3.20	Analisis statistik berdasarkan hipotesis	88
4.1	Penilaian normaliti	91
4.2	Umur responden	91
4.3	Jantina responden	91
4.4	Bangsa responden	92
4.5	Agama responden	92
4.6	Min dan sisihan piawai pemboleh ubah	92
4.7	Tahap persepsi kesejahteraan	93
4.8	Tahap kecerdasan emosi	93
4.9	Tahap kecerdasan spiritual	93
4.10	Tahap efikasi sendiri kaunseling	94
4.11	Tahap perkembangan diri	95
4.12	Keputusan hubungan antara PK, KE, KS, EKK dengan PD	95
4.13	Keputusan hubungan mengikut nilai korelasi	96
4.14	Ringkasan keputusan hipotesis Ha1, Ha2, Ha3, Ha4 Keputusan regresi untuk melihat pengaruh PK, KE, KS, EKK terhadap PD	97
4.15	Ringkasan keputusan hipotesis Ha5, Ha6, Ha7, Ha8, Ha9	98
4.16	Tiga kategori kesepadanan model dan tahap	99

4.17	penerimaan	102
4.18	Nilai <i>AVE</i> dan <i>CR</i> untuk kecerdasan emosi	104
4.19	Nilai <i>AVE</i> dan <i>CR</i> untuk kecerdasan spiritual	106
4.20	<i>First Review : Delete e7 (C7) MI</i> tinggi	108
4.21	<i>AVE</i> dan <i>CR</i> untuk efikasi sendiri kaunseling	110
4.22	<i>First review delete e8 (D21) (MI)</i> tinggi	111
4.23	<i>Second review : delete e3 (D16) MI</i> tinggi	112
4.24	<i>AVE</i> dan <i>CR</i> untuk persepsi kesejahteraan	114
4.25	<i>AVE</i> dan <i>CR</i> untuk perkembangan diri	116
	<i>Fitness Indexes</i> menunjukkan <i>fitness</i> konstruk	
4.26	daripada data kajian	117
4.27	<i>CR</i> dan <i>AVE</i> untuk konstruk utama	118
4.28	Indeks kesahan diskriminan	121
	Ringkasan keputusan kajian berdasarkan objektif dan hipotesis kajian	

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Model kesejahteraan (Adams, 1997)	25
2.2	Model empat cabang kecerdasan emosi (Mayer dan Salovey, 1997)	29
2.3	Model kecerdasan emosi (Goleman, 2001)	34
2.4	Model mudah untuk empat kecerdasan	35
2.5	Sumber efikasi sendiri	39
2.6	Kerangka teoritikal kajian	47
2.7	Kerangka konseptual kajian	63
4.1	Model pengukuran awal kecerdasan emosi	100
4.2	Model pengukuran akhir kecerdasan emosi	101
4.3	Model pengukuran akhir kecerdasan spiritual	103
4.4	Model pengukuran awal efikasi sendiri kaunseling	105
4.5	Model pengukuran akhir efikasi sendiri kaunseling	106
4.6	Model pengukuran awal persepsi kesejahteraan	109
4.7	Model pengukuran akhir persepsi kesejahteraan <i>delete</i> d21	110
4.8	Model pengukuran akhir persepsi kesejahteraan <i>delete</i> d16	111
4.9	Model pengukuran akhir perkembangan diri	113
4.10	<i>CFA</i> pengukuran model yang mudah	116
4.11	<i>Path coefficient</i> antara konstruk dalam model	119
4.12	<i>Regression coefficient</i> antara konstruk dalam model	119
4.13	<i>Path coefficient</i> model perkembangan diri kaunselor pelatih	120
4.14	<i>Regression coefficient</i> model perkembangan diri kaunselor pelatih	120
5.1	Model Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	138
5.2	Kerangka sumbangan model terhadap bidang kaunseling	139

SENARAI SINGKATAN

<i>ACA</i>	<i>American Counseling Association</i>
<i>ACES</i>	<i>Association for Counselor Education and Supervision</i>
<i>AGFI</i>	<i>Adjusted Goodness of Fit</i>
<i>AMOS</i>	<i>Analysis of Moment Structures</i>
<i>ANOVA</i>	<i>Analysis of Variance</i>
<i>APA</i>	<i>American Psychological Association</i>
<i>AVE</i>	<i>Average Variance Extracted</i>
<i>AWA</i>	<i>Appraisal Wellness Adolescents</i>
<i>CACREP</i>	<i>Council for Accreditation of Counseling and Related Educational Programs</i>
<i>CFA</i>	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
<i>CFI</i>	<i>Comparative Fit Index</i>
<i>Chisq</i>	<i>Chi Square</i>
<i>CMIN</i>	<i>Minimum Value of the Discrepancy Function, C</i>
<i>COSE</i>	<i>Counseling Self Estimate Inventory</i>
<i>CR</i>	<i>Composite Reliability</i>
<i>C.R</i>	<i>Critical Region</i>
<i>CSBQ</i>	<i>Career Sustaining Behaviors Questionnaire</i>
<i>df</i>	<i>Degree of Freedom</i>
<i>DV</i>	<i>Dependent Variables</i>
<i>EFA</i>	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
<i>EKK</i>	<i>Efikasi Kendiri Kaunseling</i>
<i>EQ</i>	<i>Emotional Quotient</i>
<i>ESQ</i>	<i>Emotional Spiritual Quotient</i>
<i>5f-Wel</i>	<i>Five Factor Wellness</i>
<i>GFI</i>	<i>Goodness-of-Fit Index</i>
<i>IBM</i>	<i>International Business Machines</i>
<i>IDM</i>	<i>Integrated Development Model</i>
<i>IQ</i>	<i>Intellectual Quotient</i>
<i>IV</i>	<i>Independent variables</i>
<i>KE</i>	<i>Kecerdasan Emosi</i>
<i>KF</i>	<i>Kecerdasan Fizikal</i>
<i>KMO</i>	<i>Kaiser Meyer Olkin</i>
<i>KS</i>	<i>Kecerdasan Spiritual</i>
<i>M</i>	<i>Mean</i>
<i>Mdn</i>	<i>Median</i>
<i>MES</i>	<i>Means Ends Spirituality</i>
<i>MI</i>	<i>Modification Indexes</i>
<i>MANOVA</i>	<i>Multiple Analysis Of Variance</i>
<i>MLE</i>	<i>Maximum Likelihood Estimation</i>
<i>MSCEIT</i>	<i>Mayer Salovey Caruso Emotional Intelligence Test</i>

<i>NFI</i>	<i>Normed Fit Index</i>
<i>p</i>	<i>Probability (p)</i>
PD	Perkembangan Diri
PDKP	Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih
PK	Persepsi Kesejahteraan
PSPTN	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
<i>PWS</i>	<i>Perceived Wellness Survey</i>
<i>r</i>	Korelasi
<i>r</i> ²	Korelasi berganda
R	Regresi
<i>R</i> ²	<i>R square (Coefficient of Determination)</i>
<i>RMR</i>	<i>Root Mean Square Residual</i>
<i>RMSEA</i>	<i>Root Mean Square Error of Approximation</i>
<i>SCMCT</i>	<i>Social Cognitive Model of Counselor Training</i>
<i>SCT</i>	<i>Social Cognitive Theory</i>
<i>SD</i>	<i>Standard Deviation</i>
<i>S.E</i>	<i>Standard Error</i>
<i>SEM</i>	<i>Structural Equation Modeling</i>
<i>SIBS-R</i>	<i>Spiritual Involvement and Belief Scale-Revised</i>
<i>Sig</i>	<i>Significant</i>
<i>SLQ_R</i>	<i>Supervisee Levels Questionnaire-Revised</i>
<i>SPSS</i>	<i>Statistical Package For Social Sciences</i>
<i>SQ</i>	<i>Spiritual Quotient</i>
<i>TLI</i>	<i>Tucker - Lewis Index</i>
TN50	Transformasi Nasional 50
UA	Universiti Awam
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
US	Universiti Swasta
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
<i>WEL</i>	<i>Wellness Evaluation of Lifestyle</i>
<i>WoW</i>	<i>Wheel of Wellness</i>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
A	Surat permohonan menjalankan kajian	163
B	Surat kebenaran menjalankan kajian	171
C	Surat etika peyelidikan	173
D	Pengesahan kandungan instrumen	174
E	Soal selidik kajian	180
F	Analisis Faktor Eksploratori konstruk Kecerdasan Emosi (KE)	195
G	Analisis Faktor Eksploratori Konstruk Kecerdasan Spiritual (KS)	198
H	Analisis Faktor Eksploratori Konstruk Efikasi Kendiri Kaunseling (EKK)	201
I	Analisis Faktor Eksploratori Konstruk Persepsi Kesejahteraan (PK)	204
J	Analisis Faktor Eksploratori Konstruk Perkembangan Diri (PD)	207

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini akan tertumpu kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, skop kajian, limitasi kajian, definisi konseptual dan operasional kajian serta ringkasan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengkajian mengenai pengaruh kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih sangat penting dijalankan bagi menyokong Transformasi Nasional 2050 (TN50) matlamat pelan pasca wawasan 2020, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Malaysia (PSPTN). Fokus utama adalah melahirkan modal insan kelas pertama yang seimbang dalam semua dimensi seperti emosi, fizikal, psikologikal, spiritual, sosial untuk berkembang dengan lebih baik dalam setiap bidang yang diceburi.

Transformasi Nasional 2050 (TN50) merupakan satu inisiatif pembangunan negara yang merangkumi tahun 2020 hingga 2050. Inisiatif ini akan dipacu oleh matlamat dan sasaran yang jelas selama 30 tahun, yang akan dibangunkan melalui proses perundingan dalam fasa persediaan dari tahun 2017 hingga 2019. Matlamat dan sasaran yang digariskan dalam dokumen dasar TN50 bakal diterbitkan pada awal tahun 2020. Generasi muda penerus tampuk pimpinan negara. Penglibatan belia sangat diperlukan bagi memacu negara mencapai Tranformasi Nasional 2050 (TN50).

Pelan pasca Wawasan 2020 ini penting bagi menjamin daya saing negara kekal kompetitif sebagai negara berpendapatan tinggi. Jumlah belia di negara ini kini mencapai 2.97 juta orang. Jika tiap individu menyumbangkan idea dan pandangan, tidak mustahil TN50 mampu menyenaraikan negara Malaysia dalam 20 negara maju dunia. Pendidikan ialah teras ilmu dan ilmu pembina tamadun. Kini negara mempunyai 21 buah Universiti Awam (UA) dan ada di antaranya telah mendapat pengiktirafan global. Selain itu, terdapat 24 Universiti Swasta (US), 27 Kolej Universiti dan 320 kolej Swasta. Jumlah 371 pusat pengajian ini satu realiti betapa serius sistem pendidikan tinggi dijadikan teras kelangsungan masa depan negara.

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025, negara ini memiliki 1.3 juta penuntut di UA dan US. Berdasarkan pecahan, 545 ribu pelajar di UA dan 455 ribu di US. Dalam upaya mewujudkan cita-cita menuju negara maju, pasti akan menghadapi banyak hambatan. Masalah yang beraneka ragam. Generasi muda harus peka pada

perkembangan dunia dan bersisi positif. Selain pendidikan, anak muda perlu memiliki sikap berdikari tetapi bersatu. Memahami perbezaan agama, suku dan budaya. Pendidikan kelas satu, perpaduan kaum dan demokrasi yang aman adalah teras mencapai TN50. Antara aspirasi yang disuarakan iaitu memperkasakan sistem pendidikan tinggi, menyemai semangat kasih sayang dalam kalangan mahasiswa, meningkatkan kolaborasi bersama industri, penerapan teknologi dalam pembelajaran dan mewujudkan pemimpin bijaksana yang mampu membawa manfaat kepada masyarakat. Ia penting bagi membentuk pelajar yang mempunyai kemahiran menyeluruh dalam sistem pendidikan.

Selaras dengan Misi Nasional ini, Malaysia perlu melahirkan modal insan atau belia yang bertaraf dunia sebagai persiapan bagi menghadapi cabaran pembangunan pengetahuan dan inovasi. Modal insan yang diingini perlu berilmu, berkemahiran dan mempunyai keperibadian yang unggul. Dalam erti kata lain, Malaysia tidak boleh maju hanya dari segi ekonomi tetapi perlu mempunyai kekuatan sosial, kerohanian, psikologi dan budaya selaras dengan misi TN50. Ia mesti menjadi negara yang maju bersama-sama semua dimensi. Kenyataan ini menguatkan lagi hujah agar pengkajian mengenai pengaruh kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan efikasi sendiri terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih sangat penting untuk dijalankan pada masa sekarang dan sangat relevan untuk dijalankan seiring dengan keperluan semasa negara iaitu menghasilkan modal insan berilmu.

Kaunselor pelatih merupakan modal insan kelas pertama juga merupakan bakal kaunselor yang akan menceburkan diri dalam profesion kaunseling. Justeru peranan pihak fakulti terutama pendidik kaunselor dalam bidang kaunseling adalah penting dalam memastikan bahawa seseorang pelajar yang memasuki bidang kaunseling adalah dalam kalangan mereka yang terpilih. Setelah memasuki bidang kaunseling, kaunselor pelatih ini akan berinteraksi dengan fakulti, pelajar dan klien untuk meningkatkan kemahiran kaunseling dan seterusnya meningkatkan kecekapan yang diselaraskan oleh (*Council for Accreditation of Counseling and Related Educational Programs [CACREP]*, 2009).

Manakala di Malaysia profesion kaunseling semakin berkembang seiring dengan kemajuan negara. Kepentingan profesion ini kepada negara jelas dapat dibuktikan dengan penubuhan Akta Kaunselor (1998) Akta 580. Di bawah akta ini semua kaunselor wajib mematuhi setiap peraturan yang termaktub di dalam akta. Ini kerana dengan tertubuhnya Akta 580 profesion kaunselor adalah terkawal di bawah undang-undang Negara Malaysia. Lembaga Kaunselor (Malaysia) di bawah Kementerian Pembangunan Keluarga dan Masyarakat adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam menjaga profesion kaunseling. Kaunselor akan didaftarkan di bawah Lembaga Kaunselor Lembaga kaunselor (Malaysia) akan menjalankan temuduga terlebih dahulu kepada kaunselor yang akan berdaftar dengan Lembaga Kaunselor (Malaysia). Ini bertujuan untuk memastikan semua kaunselor adalah profesional dalam memberi perkhidmatan kaunseling kepada klien.

Kaunseling merupakan satu perkhidmatan menolong yang telah bertapak di negara ini sejak tahun 1960-an lagi (Ng Wai Sheng, 2013). Era pembangunan negara yang pesat memberi ruang kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berkembang secara

formal, teratur dan sistematik. Keadaan ini diakui oleh (Othman Mohamed, 2000) yang menyatakan aliran dan perkembangan program bimbingan dan kaunseling di Malaysia adalah cerah. Pemikiran yang optimis ini perlu digandingkan dengan misi yang boleh menggerakkan profesion ini menuju ke suatu tahap yang unggul. Perkembangan semasa juga telah memberikan perangsang untuk menerima kaunseling sebagai profesion yang disegani (Othman Mohamed, 2008).

Pelbagai sebab kenapa seseorang memilih untuk memasuki bidang kaunseling. Kemungkinan besar atas dorongan daripada guru kaunseling di sekolah, pengalaman semasa mengikuti kelas pembimbing rakan sebaya di sekolah, dorongan ibubapa, dan kaunselor di sekolah sebagai *role model* untuk dicontohi. Sebelum memasuki bidang kaunseling, pelajar melalui proses tapisan terlebih dahulu dan dinilai menggunakan pelbagai kriteria berdasarkan keperluan kemasukan di universiti. Kriteria tersebut adalah melalui proses temuduga terlebih dahulu oleh pakar dalam bidang kaunseling di universiti dan rekod keputusan peperiksaan (Ericksen dan McAuliffe, 2006; Hosford et al., 1984; Kuncel et al., 2001; McKee et al., 1979).

Program Kaunseling di Universiti Awam di Malaysia adalah bertujuan melahirkan kaunselor yang cekap dan efektif serta mampu memberi perkhidmatan kaunseling yang terbaik kepada klien. Justeru adalah penting untuk mengukuhkan kecekapan kaunseling semasa pelajar kaunseling melalui latihan sebagai kaunselor agar mereka lebih kompeten dalam memimpin klien. Oleh itu klien akan mendapat manfaat daripada perkongsian emosi bersama kaunselor pelatih (Kerl et al., 2002) dan seterusnya perkembangan diri kaunselor juga dapat berlaku (Stolternberg et al., 1998).

Perkembangan merupakan suatu proses yang pasti akan dialami oleh setiap individu. Perkembangan adalah proses yang bersifat kualitatif dan berhubungan dengan kematangan seseorang individu yang ditinjau dari perubahan yang bersifat progresif serta sistematik di dalam diri manusia (Border dan Usher, 1992). Perkembangan diri merupakan satu proses yang dirancang dan distruktur. Teori perkembangan yang dipelopori oleh Buhler, Erikson, Neugarten dan Jung juga menyatakan bahawa seseorang individu akan berhadapan dengan pelbagai cabaran baru di setiap peringkat perkembangan diri dalam kehidupan mereka (Ryff dan Singer, 2008).

Perkembangan diri kaunselor merangkumi pertumbuhan dan pembangunan yang berterusan. Pertumbuhan kaunselor dan pembangunan adalah satu proses yang berterusan dan sepanjang hayat, manakala perkembangan diri ialah perubahan yang berlaku ke atas seseorang. Pertumbuhan dan perkembangan ini bermula apabila individu memasuki program latihan kaunseling dan berterusan sehingga mereka bersara. Komponen perkembangan diri merangkumi kesedaran sendiri, motivasi, kesedaran terhadap orang lain dan autonomi (Stolternberg 1981; Borders dan Usher, 1992).

Kesedaran sendiri yang tinggi dapat membantu kaunselor untuk mengenal pasti emosi yang wujud dalam diri mereka dan kesan emosi tersebut terhadap prestasi diri. Mereka juga dapat berusaha untuk mengejar matlamat hidup serta berkeyakinan untuk mencapai

hasrat yang dicita-citakan. Mempunyai niat yang baik untuk membantu klien adalah penting bagi seorang kaunselor. Kaunselor berdepan dengan pelbagai cabaran masalah dan pelbagai ragam klien. Namun dengan berbekalkan niat yang baik, adalah mudah bagi kaunselor untuk berdepan dengan cabaran tersebut. Kesedaran sendiri merujuk kepada kefahaman untuk mengetahui keadaan diri dari segi kelebihan atau kekurangan diri berdasarkan sumber yang terdapat dalam diri serta mempunyai kesedaran terhadap persekitaran dan penciptanya (Noriah Mohd Ishak, 2004). Manakala kebergantungan autonomi dari aspek kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan efikasi sendiri kaunseling yang tinggi dalam diri kaunselor pelatih dilihat sebagai faktor penting sebagai kaunselor.

Seterusnya dalam membicarakan aspek perkembangan diri kaunselor pelatih, secara tidak langsung kita tertarik untuk melihat kepada kualiti dan prestasi yang ditunjukkan oleh kaunselor pelatih terutamanya berkaitan dengan kemahiran menjalankan kaunseling, menguruskan program-program dan juga pengurusan kaunseling. Kaunselor pelatih akan dipantau oleh penyelia mereka sepanjang pengajian dan sepanjang menjalani latihan praktikum dan internship. Justeru dengan memiliki kecekapan dalam domain kognitif (pengetahuan realiti sebenar dalam proses kaunseling), domain afektif (sikap dan emosi) dan psikomotor (tindakan kemahiran) sudah pasti akan memberi keyakinan kepada kaunselor pelatih untuk mempunyai keyakinan dan kecekapan menjalankan kaunseling serta dapat menjadi kaunselor yang berkesan (Othman Mohamad, 2008).

Perkembangan diri merupakan satu proses yang akan membentuk kemahiran, sikap dan kualiti yang spesifik yang boleh dipantau dari peringkat permulaan sehingga ke peringkat seseorang individu akan menempa kejayaan. Kemahiran tersebut merangkumi kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling di mana setiap kemahiran ini perlu ada dalam diri seseorang kaunselor pelatih (Irving dan Williams, 1999; Myers dan Bechtel, 2004; Curry, 2007; Nunnery, 2011; Siti Balqis Md. Nor 2011; Wan Marzuki Wan Jaafar et al., 2011).

Merujuk kepada kod etika (Lembaga Kaunselor (Malaysia), 2011) menerangkan bahawa kaunselor hendaklah melakukan aktiviti penjagaan sendiri bagi mengekalkan dan memupuk kesejahteraan emosi, fizikal, mental dan spiritual mereka supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab profesional secara terbaik dan seterusnya dapat membantu meningkatkan perkembangan diri mereka. Berdasarkan pernyataan di atas adalah jelas menunjukkan kepentingan untuk menjalankan kajian pengaruh kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan efikasi sendiri kaunseling terhadap perkembangan diri dalam kalangan kaunselor pelatih.

Seterusnya di dalam profesion kaunseling faktor kesejahteraan juga merupakan elemen penting dalam diri setiap kaunselor pelatih. Sejak dua dekad yang lalu, badan-badan profesional dalam bidang kaunseling seperti *American Counseling Association (ACA)*, 2013; *Association for Counselor Education and Supervision (ACES)*, 1995; *Council for Accreditation of Counseling and Related Educational Programs (CACREP)*, 2009;

memberi penekanan kepada peningkatan kesejahteraan dan kesihatan kaunselor profesional dan kaunselor dalam latihan (Myers et al., 2003; Roach dan Young, 2007).

Penekanan tentang aspek kesejahteraan kaunselor pelatih adalah berhubung dengan kualiti peribadi yang dimiliki oleh kaunselor seperti personaliti, kesejahteraan, keupayaan untuk berempati, nilai, sikap dan kepercayaan yang dimiliki oleh seseorang kaunselor (Beutler et al., 1994) di mana faktor tersebut dikaitkan dengan keupayaan kaunselor dalam proses membantu klien serta perkembangan diri kaunselor pelatih. Ini bermakna kualiti peribadi yang dimiliki oleh seorang kaunselor dan kaunselor pelatih adalah merupakan faktor yang memberi kesan yang lebih besar terhadap keberkesanan perkhidmatan kaunseling berbanding orientasi teori yang dipegang oleh kaunselor (Hanna dan Bemak, 1997). Sesungguhnya, misi *American Counseling Association* (ACA, 2013) adalah untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan semua klien.

Selain faktor kesejahteraan faktor kecerdasan emosi juga merupakan faktor penting terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih (Siti Balqis Md. Nor, 2011; Syafrimen Syafril 2004; Martin et al., 2004; Matthews et al., 2004). Kaunselor pelatih merupakan bakal kaunselor yang akan memainkan peranan yang amat penting dalam menangani kesejahteraan klien mereka. Konsep kecerdasan emosi berkembang melalui penulisan awal oleh Salovey dan Mayer (1990). Mereka adalah yang pertama menggunakan istilah kecerdasan emosi dari perspektif psikologi dengan menggunakan kaedah yang lebih sistematik. Mereka melihat kecerdasan emosi sebagai keupayaan untuk memantau perasaan sendiri dan perasaan individu lain dan membezakan antara perasaan tersebut.

Selain kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual juga merupakan elemen penting kepada perkembangan diri kaunselor pelatih. Kecerdasan spiritual ditakrifkan sebagai hubungan peribadi seseorang individu dengan kuasa yang lebih tinggi dan tingkah laku dan pemikiran yang berkaitan dengan hubungan itu. Kehidupan rohani dalam kajian semasa tidak dikaitkan dengan agama tertentu untuk boleh dikongsi bersama dengan individu lain. Satu dimensi utama kehidupan rohani adalah teras kerohanian. Teras kerohanian mempunyai ciri-ciri yang berkaitan dengan suatu kuasa atau sifat yang lebih tinggi, penglibatan ritual, keupayaan untuk mempunyai iman, rasa makna, penglibatan dalam komuniti atau berbincang dengan seseorang tentang iman dan pengalaman kerohanian.

Dimensi lain pada kecerdasan spiritual termasuk aktiviti kewujudan, permohonan peribadi dan pengertian. Aktiviti kewujudan melibatkan meditasi, perspektif spiritual, dan berfikir tentang makna kehidupan. Aplikasi peribadi melibatkan aplikasi merendah diri dan menggunakannya dalam kehidupan seharian. Visi dimensi ini melibatkan keupayaan untuk menerima sesuatu perkara yang tidak boleh diubah (Hatch et al., 1998). Hampir semua individu boleh mengenal pasti matlamat mereka, apa yang ingin diubah oleh mereka, dan apa yang ingin dicapai. Walau bagaimanapun, kebanyakan individu sedar bahawa meletakkan rancangan ini ke dalam tindakan adalah bukan sesuatu yang mudah.

Dalam teori (Ryan dan Deci, 2000) menyatakan bahawa individu yang kekurangan dari aspek spiritualiti adalah berisiko dan mereka perlu mencari makna kehidupan. Oleh itu, spiritualiti merupakan sumber harapan, maksud dan tujuan, terutama ketika menghadapi kesukaran. Selain itu (Cooper, 2003; Cooper et al., 2003) mencadangkan, apabila penglibatan rohani dan agama diukur, mereka telah mendapati konsep ini akan positif berkaitan dengan kesihatan dan berkadar songsang dengan gangguan fizikal dan mental. Simpson (2005) menyatakan semakin banyak kajian menunjukkan bahawa individu yang mempunyai kecerdasan spiritual akan merasakan kesejahteraan yang lebih baik dan kepuasan hidup, menghadapi tekanan hidup dengan lebih baik dan kurang kecenderungan untuk membunuh diri. Meisenholder dan Chandler (2002) mencadangkan bahawa spiritualiti adalah sumber kekuatan apabila berdepan dengan cabaran dan masalah yang sukar. Justeru sebagai kaunselor pelatih yang akan berdepan dengan klien yang mempunyai masalah yang pelbagai, maka adalah perlu untuk mereka mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi agar mereka mampu bertahan dengan pelbagai cabaran. Selain itu jika mereka mempunyai kecerdasan spiritual yang tinggi, ini boleh membantu mereka untuk lebih memahami makna kehidupan bagi menjamin kesejahteraan serta perkembangan diri mereka dan juga klien.

Seterusnya efikasi sendiri kaunseling juga merupakan faktor yang perlu diberi perhatian dan memainkan peranan penting kepada kaunselor. Efikasi sendiri juga dikatakan peramal kepada kesejahteraan dan perkembangan diri (Priesack dan Alcock, 2015). Bandura (1995) menyatakan bahawa kepercayaan efikasi mempengaruhi bagaimana seseorang berperasaan, berfikir, memotivasikan diri serta bertingkah laku. Menurut Larson dan Daniels (1998) efikasi sendiri kaunseling dapat ditakrifkan sebagai kepercayaan seseorang tentang keupayaan untuk menasihati klien dengan berkesan.

Berdasarkan hujah dan dapatan yang dibincangkan berkaitan pemboleh ubah kajian maka adalah wajar untuk kajian ini dijalankan pada masa sekarang bagi mengenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan dan pengaruh antara kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan efikasi sendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih. Selain dapatan yang berbeza-beza tentang faktor yang mempengaruhi perkembangan diri kaunselor pelatih, maka adalah wajar kajian secara empirikal ini dijalankan bagi menentukan faktor sebenar yang mempengaruhi perkembangan diri kaunselor pelatih.

1.3 Pernyataan Masalah

Kaunseling adalah satu profesion yang mencabar. Malah, kaunseling merupakan aktiviti yang memberi tekanan terutamanya dalam tempoh awal latihan sebagai kaunselor pelatih (Roach dan Young, 2007). Perkhidmatan kaunseling merupakan saluran untuk membangunkan potensi kaunselor pelatih. Justeru, latihan yang diberikan kepada kaunselor pelatih perlu dipantau dan tidak boleh diambil mudah. Manakala (Lembaga Kaunselor (Malaysia), 2003) telah menetapkan latihan minima bagi melayakkan kaunselor untuk berdaftar dan salah satu komponen yang wajib ialah latihan internship.

Tinjauan literatur yang dijalankan mendapati bahawa kaunselor pelatih yang tidak mempunyai kemahiran dan kecekapan kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan efikasi sendiri kaunseling akan menjejaskan perkembangan diri kaunselor pelatih dan seterusnya tidak dapat berfungsi sebagai kaunselor yang berkesan (Nunnery, 2011; Curry, 2007; Siti Balqis Md Noor, 2011; Mullen et.al., 2015; Mustafa Sharif et al., 2013). Memandangkan kaunselor pelatih merupakan individu yang berdepan dengan pelbagai masalah sosial dan psikologi yang memerlukan pengurusan segera dan berkemahiran maka adalah wajar faktor yang mempengaruhi perkembangan diri kaunselor pelatih diberi perhatian (Norzaliza Alis, 2015).

Walau bagaimanapun penyelidikan ke atas tinjauan literatur mendapati kajian yang terhad mengenai perkembangan diri kaunselor pelatih. Menurut Irving dan Williams (1999) perkembangan diri adalah proses yang membentuk kemahiran, sikap, kualiti tertentu yang spesifik dan perkembangan tersebut perlu dipantau dari peringkat permulaan sehingga ke peringkat terakhir iaitu peringkat kejayaan yang dihadapi oleh kaunselor pelatih. Menurut Mellin et al. (2011) mendapati bahawa kaunselor percaya kerja mereka berbeza daripada profesion menolong yang lain dan aspek perkembangan diri kaunselor pelatih perlu diberi tumpuan bagi pembangunan, pencegahan, dan orientasi kesejahteraan sebagai kaunselor pelatih.

Kecerdasan emosi adalah faktor penting sebagai kaunselor pelatih. Kekurangan kecerdasan emosi akan mendorong kaunselor pelatih untuk membuat persepsi yang salah terhadap emosi sendiri dan emosi klien, tidak mampu mengasimilasi emosi dalam pemikiran dan sukar memahami emosi dan mengatur emosi diri dan emosi klien. (Martin et al., 2004; Matthews et al., 2004; Cikanek, 2007; Syafrimen Syarif, 2004; Shaheena Parveen dan M. Shafiq, 2014; Siti Balqis Md. Nor, 2011). Seterusnya kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih tidak diperiksa dengan teliti semasa latihan (Hensley et al., 2003; Buchbinder, 2007). Terdapat juga cadangan pengkaji lepas untuk membuat kajian ke atas kaunselor pelatih dengan melibatkan semua domain kesejahteraan (Siti Balqis Md. Nor, 2011; Myers et al., 2003; Lee, 2010). Kebanyakan kajian tempatan yang dijalankan adalah memberi fokus kepada kesejahteraan kaunselor contohnya kajian oleh (Letchumy, 2009; Lee Chee Siang, 2010) dan bukannya kaunselor pelatih, hanya satu kajian yang melaporkan tentang kesejahteraan psikologikal kaunselor pelatih iaitu kajian oleh Siti Balqis Md. Nor (2011).

Manakala kajian berkaitan kecerdasan spiritual kaunselor pelatih juga kurang dijalankan di Malaysia. Kecerdasan spiritual merupakan pendekatan holistik sebagai kaunselor (Mazidah Mohd Dagang, 2013) oleh yang demikian kajian lanjut perlu dilaksanakan ke atas kaunselor pelatih, ini kerana kaunselor pelatih perlu bersedia dengan kecekapan spiritual apabila menceburi profesion kaunseling. Selain itu faktor efikasi sendiri kaunseling juga mempengaruhi pilihan dan prestasi dalam kerjaya sebagai seorang kaunselor. Kekurangan kemahiran efikasi sendiri kaunseling akan menjejaskan kualiti kerja kaunselor pelatih. (Curry, 2007; Wan Marzuki Wan Jaafar, 2007 dan 2011; Nunnery 2011). Kebanyakan kajian lepas mencadangkan agar kajian lanjut berkaitan kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual, efikasi sendiri dan perkembangan diri perlu dijalankan ke atas kaunselor pelatih (Nunnery, 2011; Curry, 2007; Siti Balqis Md Noor, 2011; Mullen et al., 2015; Mustafa Sharif et al., 2013; Wan Marzuki Wan

Jaafar, 2007 dan 2011, Myers et al., 2003; Letchumy, 2009; Leach et. al., 1997; Stoltenberg et al., 1998; Irving et al., 1999; Norzaliza Alis et al., 2014).

Walau bagaimanapun penelitian ke atas tinjauan literatur yang dijalankan mendapati kajian berkaitan kesejahteraan, kecerdasan emosi kecerdasan spiritual, efikasi sendiri dan perkembangan diri kaunselor pelatih tidak melihat hubungan antara pemboleh ubah tersebut secara serentak. Keadaan ini membawa kepada keperluan untuk menjalankan kajian bagi mengenalpasti tahap, hubungan dan pengaruh kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih. Dari segi metodologi kajian pula, kebanyakan kajian lepas menggunakan kajian korelasi untuk melihat hubungan dan pengaruh perkembangan diri kaunselor pelatih. Manakala kajian ini akan menggunakan *Structure Equation Modeling* (SEM).

Justeru berpandukan asas permasalahan dan keperluan untuk memastikan kemahiran kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri wujud dalam diri kaunselor pelatih maka adalah wajar kajian ini dijalankan. Dalam hal ini Model Persamaan Bersruktur telah digunakan bagi menganalisis hubungan antara pemboleh ubah secara serentak. Kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang ilmu dengan menggabungkan semua pemboleh ubah secara serentak iaitu kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih. Model Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih (PDKP) yang sepadan dengan data kajian turut dihasilkan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini terdiri daripada objektif kajian umum dan objektif kajian khusus seperti di bawah.

1.4.1 Objektif Umum

Secara umum kajian ini bertujuan menyelidik hubungan dan pengaruh antara kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih di lima buah universiti awam yang menawarkan program kaunseling dan membenarkan kajian ini dijalankan ke atas kaunselor pelatih yang sedang menjalani latihan internship.

1.4.2 Objektif Khusus

Berdasarkan objektif umum di atas, terdapat empat (4) objektif khusus yang telah dibentuk seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara persepsi kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling dengan perkembangan diri kaunselor pelatih.
3. Menentukan pengaruh persepsi kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih.
4. Menghasilkan model perkembangan diri kaunselor pelatih (model PDKP) yang sepadan dengan data kajian.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini menjawab empat (4) persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah tahap kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih?
2. Adakah terdapat hubungan antara kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling dengan perkembangan diri kaunselor pelatih?
3. Adakah terdapat pengaruh persepsi kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih?
4. Adakah model perkembangan diri kaunselor pelatih (model PDKP) sepadan dengan data kajian?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis alternatif kajian dibina bagi menjawab persoalan kajian 2, 3 dan 4 seperti berikut:

- Ha1: Terdapat hubungan yang signifikan antara kesejahteraan dengan perkembangan diri kaunselor pelatih.
- Ha2: Terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan perkembangan diri kaunselor pelatih.
- Ha3: Terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan spiritual dengan perkembangan diri kaunselor pelatih.
- Ha4: Terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri kaunseling dengan perkembangan diri kaunselor pelatih.
- Ha5: Terdapat pengaruh yang signifikan antara kesejahteraan terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih.
- Ha6: Terdapat pengaruh yang signifikan antara kecerdasan emosi terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih.
- Ha7: Terdapat pengaruh yang signifikan antara kecerdasan spiritual terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih.
- Ha8: Terdapat pengaruh yang signifikan antara efikasi sendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih.

Ha9: Terdapat kesepadan Model Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih (model PDKP) dengan data kajian.

1.7 Kepentingan Kajian

Signifikan sesuatu kajian merujuk kepada kepentingan sesuatu kajian itu dijalankan. Terdapat beberapa sebab mengapa kajian ini penting untuk dijalankan. Pertama, kajian ini adalah penting kerana ia menghubungkan jurang yang wujud dalam literatur sebelumnya disebabkan oleh hakikat bahawa, data yang dikumpul digunakan untuk meneliti hubungan antara kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih yang sangat kurang dalam kajian sedia ada dan masih belum dibuktikan sepenuhnya. Selain itu hanya beberapa kajian sahaja yang dilaporkan di Malaysia dengan mengemukakan pemboleh ubah yang berbeza-beza. Justeru kajian ini dapat memberi sumbangan dari segi pengesahan yang dilakukan terhadap hubungan tersebut dalam kalangan kaunselor pelatih.

Kedua, kajian ini dapat mengesahkan teori dan model yang digunakan dalam kajian, di mana tinjauan literatur yang dijalankan mendapati teori dan model yang digunakan masih belum dibuktikan sepenuhnya. Justeru langkah pengesahan terhadap teori dan model masih perlu dilakukan. Oleh itu dalam kajian ini, dua jenis analisis digunakan bagi mengesahkan teori dan model iaitu analisis faktor eksploratori (EFA) dan analisis faktor konfirmatori (CFA). Hasil daripada analisis dapat digunakan bagi mengesahkan teori dan model dalam kalangan kaunselor pelatih.

Ketiga, kajian ini menyediakan maklumat tentang keadaan dan keupayaan kaunselor pelatih di mana mereka perlu mempunyai kesejahteraan yang baik, kecerdasan emosi yang seimbang, kecerdasan spiritual yang kukuh dan efikasi sendiri kaunseling yang kompeten kerana mereka bakal berdepan dengan klien yang hadir dengan pelbagai latar belakang. Justeru menyediakan diri mereka dengan keperluan yang lengkap sebagai kaunselor adalah menjadi keutamaan. Ini kerana jika mereka mempunyai kekuatan dari segi kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan efikasi sendiri kaunseling, mereka akan mempunyai perkembangan diri yang baik dan secara tidak langsung mereka bakal menjadi kaunselor yang efektif.

Keempat, kajian ini dijangka dapat memberikan input yang penting kepada guru kaunseling, pensyarah dan pelajar kaunseling serta bakal calon kaunselor itu sendiri. Di samping itu, dapatan kajian ini juga dapat memberikan maklumat dan data yang penting kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Lembaga Kaunselor (Malaysia). Pendidik kaunselor merupakan mereka yang bertanggungjawab mendedahkan ilmu kaunseling kepada kaunselor pelatih. Pendidik kaunselor khususnya dapat menggunakan model perkembangan diri kaunselor pelatih yang dibangunkan oleh pengkaji sebagai panduan untuk melengkapkan keperluan sebagai kaunselor.

Kesimpulannya, kajian ini relevan dan akan memberikan sumbangan yang amat bermakna kepada pelbagai pihak kerana kepentingannya dari aspek amalan praktik terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling merangkumi kaunselor, pendidik kaunselor, pelajar kaunseling, Lembaga Kaunselor (Malaysia) serta Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

1.8 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya terhad kepada kaunselor pelatih peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam Bimbingan dan Kaunseling di seluruh universiti awam di Malaysia yang menawarkan program kaunseling selama empat tahun pengajian, manakala universiti yang dipilih adalah universiti yang telah mendapat pengiktirafan dari segi kursus yang ditawarkan oleh Lembaga Kaunselor (Malaysia). Pemilihan kaunselor pelatih sebagai responden adalah kerana mereka telah melalui kursus-kursus wajib yang telah menjadi prasyarat dalam program kaunseling. Selain itu, mereka juga telah mempunyai pengalaman berhadapan dengan klien semasa praktikum dan internship semasa tempoh pengajian mereka. Selain itu kajian ini hanya menggunakan teori dan model yang berkaitan pemboleh ubah kajian, teori yang telah dipilih adalah bersandarkan kepada Model Persepsi Kesejahteraan, Teori Keupayaan Kecerdasan Emosi, Teori kecerdasan Spiritual, Teori Efikasi Kendiri, Model Kognitif Sosial dalam Latihan Kaunselor dan Model Perkembangan Integrasi.

Manakala dari segi soal selidik, penyelidik menggunakan soal selidik yang telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu. Soal selidik yang digunakan ialah soal selidik Persepsi Kesejahteraan (Adams et al., 1997) diterjemah ke dalam Bahasa Melayu oleh Letchumy (2009) soal selidik Kecerdasan Emosi (Schutte et al., 1998) yang diterjemah oleh Norhayati Zakaria (2011) soal selidik Kecerdasan Spiritual (adaptasi dan ubahsuai dari SIBS oleh Hatch dan Schultz (2002) diterjemah ke dalam Bahasa Melayu oleh Norhayati Zakaria (2011) soal selidik Efikasi Kendiri Kaunseling (Larson et al., 1992) diterjemah ke dalam Bahasa Melayu oleh Wan Marzuki Wan Jaafar (2007) serta soal selidik Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih (McNeill et al. (1992) diterjemah ke dalam Bahasa Melayu oleh Norzaliza Alis (2015).

1.9 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa limitasi kajian yang dikenal pasti dalam penyelidikan ini. Antara limitasi kajian yang dimaksudkan ialah maklumat tentang pemboleh ubah kajian iaitu kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual, efikasi kendiri kaunseling dan perkembangan diri kaunselor pelatih hanya terhad kepada respon subjek terhadap pernyataan yang terkandung dalam skala pemboleh ubah dalam soal selidik tersebut. Ini kerana kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menyelidik pemboleh ubah kajian. Justeru setiap maklumat yang dikumpul adalah maklumat yang berstruktur yang telah ditetapkan terlebih dahulu oleh pengkaji. Justeru ketepatan kajian ini adalah bergantung kepada kejujuran responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan

kepada mereka. Walau bagaimanapun pengkaji membuat andaian bahawa setiap jawapan yang diberikan oleh responden adalah respon secara jujur dan ikhlas daripada mereka.

Kajian ini hanya dijalankan di universiti awam dan tidak dijalankan di universiti swasta. Manakala universiti awam yang terlibat adalah yang telah bersetuju memberi kebenaran untuk kajian ini dijalankan. Selain itu kajian ini tidak melihat kepada perbandingan antara kumpulan kaunselor pelatih mengikut penempatan latihan internship yang dijalankan. Ini kerana setiap kaunselor pelatih mungkin berdepan dengan masalah yang berbeza di setiap tempat latihan, manakala faktor berdepan dengan klien yang berbeza contohnya di sekolah, kaunselor pelatih akan berdepan dengan pelajar sekolah, manakala jika di Jabatan Kebajikan Masyarakat kaunselor pelatih akan berdepan dengan klien yang berbeza, begitu juga jika di institusi penjara, ini kerana kaunselor pelatih perlu menggunakan pendekatan dan ketahanan diri yang berbeza.

1.10 Definisi Pemboleh Ubah Dalam Kajian

Dalam konteks kajian ini, istilah yang digunakan bagi mewakili pemboleh ubah utama adalah didefinisikan seperti berikut:

1.10.1 Kesejahteraan

Definisi konseptual: Kesejahteraan ditakrifkan sebagai erti kata bahawa seseorang itu hidup dengan cara yang membolehkan pengalaman, pertumbuhan seimbang, konsisten dalam kehidupan (Adams et al., 1997). Menurut Adams et al. (1998) individu yang memberi keutamaan kepada kesejahteraan dilihat secara fizikal lebih sihat, mempunyai rasa yang lebih besar terhadap makna dan tujuan dalam hidup, menjangkakan bahawa perkara positif akan berlaku dalam kehidupan mereka dan dari segi intelek mereka sangat bijak dan bertenaga.

Definisi operasional: Dalam konteks kajian ini kesejahteraan adalah dilihat berdasarkan maklumbalas kaunselor pelatih terhadap soal selidik Persepsi Kesejahteraan yang mengandungi 28 item yang telah diubahsuai oleh pengkaji. Soal selidik ini diubahsuai daripada *Perceived Wellness Survey* oleh Adams et al. (1997) dan telah diterjemah oleh Letchumy (2009).

1.10.2 Kecerdasan Emosi

Definisi konseptual: Konsep kecerdasan emosi dalam kajian ini adalah berdasarkan kecerdasan emosi Schutte et al. (1998) yang turut berpandukan Mayer et al. (1999). Kecerdasan emosi ialah kemampuan seseorang untuk membuat persepsi, mengasimilasi emosi dalam pemikiran, memahami emosi dan mengatur emosi diri dan individu lain.

Definisi operasional: Dalam konteks kajian ini kecerdasan emosi adalah berdasarkan maklum balas kaunselor pelatih terhadap soal selidik Kecerdasan Emosi yang mengandungi 28 item yang telah diubahsuai oleh pengkaji. Soal selidik ini diubahsuai daripada soal selidik Kecerdasan Emosi yang juga turut berpandukan Meyer dan telah diterjemah oleh Norhayati Zakaria (2011).

1.10.3 Kecerdasan Spiritual

Definisi konseptual: Kecerdasan spiritual atau rohani ditakrifkan sebagai hubungan peribadi seseorang individu dengan kuasa yang lebih tinggi dan tingkah laku serta pemikiran juga berkaitan dengan hubungan tersebut (Hatch et al., 1998). Kecerdasan spiritual dalam kajian ini tidak dikaitkan dengan agama tertentu untuk boleh diakses oleh setiap individu.

Definisi operasional: Dalam kajian ini kecerdasan spiritual adalah berdasarkan maklum balas kaunselor pelatih terhadap soal selidik Kecerdasan Spiritual yang mengandungi 22 item dan telah diubahsuai oleh pengkaji. Soal selidik ini diubahsuai daripada *Spiritual Involvement and Belief Scale-Revised* (SIBS-R oleh Hatch et al., 1998) yang telah diterjemah oleh Norhayati Zakaria (2011).

1.10.4 Efikasi Kendiri

Definisi konseptual: Efikasi kendiri boleh ditakrifkan secara umum sebagai kuasa atau kemampuan seseorang untuk menghasilkan keputusan yang diinginkan. Dalam erti kata lain, ia adalah kepercayaan bahawa seseorang itu harus menetapkan matlamat yang dikehendaki oleh beliau (Bandura, 1997). Manakala efikasi kendiri kaunseling adalah dikaitkan dengan keupayaan dan kemampuan efektif kaunselor untuk memberikan kaunseling kepada klien (Larson dan Daniels, 1998)

Definisi operasional: Dalam kajian ini Efikasi kendiri Kaunseling adalah berdasarkan maklumbalas kaunselor pelatih terhadap soal selidik Efikasi Kendiri Kaunseling yang mengandungi 35 item. Soal selidik ini diubahsuai daripada *Counseling Self Estimate Inventory (COSE)* (Larson dan Daniels, 1998) dan telah diterjemah oleh Wan Marzuki Wan Jaafar (2007).

1.10.5 Perkembangan Diri

Definisi konseptual: Stolternberg (1981) menyatakan perkembangan diri ialah perubahan yang berlaku ke atas seseorang. Perkembangan diri juga dikaitkan dengan proses untuk memiliki trait-trait peribadi seperti kesedaran sendiri, kesedaran terhadap

orang lain, empati, autonomi dan lain-lain dan boleh dirancang, distruktur dan diarahkan untuk membentuk trait yang dikehendaki.

Definisi operasional: Dalam kajian ini, perkembangan diri kaunselor pelatih diukur berdasarkan maklumbalas kaunselor pelatih terhadap soal selidik Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih yang mengandungi 24 item. Soal selidik ini diubahsuai daripada *Supervisee Levels Questionnaire-Revised* (SLQ_R) yang dibina oleh McNeill et al. (1992) dan telah diterjemah oleh Norzaliza Alis (2015).

1.10.6 Kaunselor Pelatih

Kaunselor pelatih ialah pelajar program Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Awam yang telah melalui latihan praktikum dan sedang menjalani latihan internship di institusi-institusi yang ditentukan oleh pihak universiti (Othman Mohamed, 2008). Kaunselor pelatih dalam kajian ini merujuk kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling yang sedang menjalani latihan internship pada semester akhir program kaunseling. Manakala kaunselor pelatih yang terlibat dalam kajian ini ialah dari lima buah universiti awam yang menawarkan program Bimbingan dan Kaunseling iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

1.11 Ringkasan

Bab ini telah membincangkan tentang latar belakang kajian yang berkaitan dengan kepentingan perkembangan diri kaunselor pelatih, kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling. Kaunselor pelatih merupakan modal insan yang bakal berkhidmat sebagai kaunselor di mana mereka telah dilatih sepanjang pengajian. Faktor kesejahteraan, kecerdasan emosi dan spiritual serta efikasi sendiri kaunseling kaunselor pelatih perlu diberi perhatian memandangkan mereka bertanggungjawab untuk membantu klien mereka setelah menceburi profesion sebagai kaunselor. Justeru adalah penting untuk mengambil perhatian terhadap kesemua faktor tersebut yang mempengaruhi perkembangan diri kaunselor pelatih supaya kaunselor yang kompeten dan mampu memberikan perkhidmatan kaunseling yang terbaik kepada klien dapat dihasilkan.

RUJUKAN

- Abe, J. A. A. (2011). Positive emotions, emotional intelligence, and successful experiential learning. *Journal Personality and Individual Differences*, 5, 817 - 822.
- Adams, T., Bezner, J., & Steinhardt, M. (1997). The conceptualization and measurement of perceived wellness: Integrating balance across and within dimensions. *American Journal of Health Promotion*, 11(3): 208 - 218.
- Adams, T., Benzer, J., Garner, L., & Woodruff, S. (1998). Construct validation of the perceived wellness survey. *American Journal of Health Studies*, 14, 212 - 219
- Adams, T., Bezner, R. J., Drabbs, M. E., Zambarano, R. J., & Steinhardt, M. A. (2000). Conceptualization and measurement of the spiritual and psychological dimensions of wellness in a college population. *Journal of American College Health*, 48, 165 - 171.
- Agostinelli, E. (2005) *Counselor Trainee's Personal Development In Australia: The Relationship Between Personal Growth Initiative, Perceived Counseling Skills, and Perceived Personal Development*, Dissertation PhD. The University of Toledo.
- Allen, S., & Williams, P. (2015). Graduate leadership students' perspective on including spiritual topics. *International Journal of Organization Analysis*, 23(1): 142 - 153.
- Amelia Mohd Nor. (2009). *Efikasi Kendiri Kaunseling Kaunselor Pelatih Upsi: Satu Tinjauan*. Tesis Master. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- American Counseling Association. (2013). Homepage. Retrieved from <http://www.counseling.org/>.
- Amram, Y. (2007). *The seven dimensions of spiritual intelligence: An ecumenical grounded theory*. Paper presented at the 115th Annual (August 2007) Conference of the American Psychological Association, San Francisco, CA. Retrieved December 15, 2007, from <http://www.yosiamram.net/papers>
- Amram, Y., & Dryer, C. (2008). *The Integrated Spiritual Intelligence Scale (ISIS): Development and Preliminary Validation*. Paper presented at the 116th Annual (August 2008) Conference of the American Psychological Association, Boston, MA. Retrieved September 17, 2008, from <http://www.yosiamram.net/papers>.
- Ary, D., Jacobs, L. C., Razavieh, A., & Sorensen, C. K. (2006). *Introduction To Research In Education* (Edisi ke-7). New York: Cengage Learning.
- Ary Ginanjar Augustian (2005). *ESQ The Esq Way* 165. Jakarta : Arga.
- Asadollahfam, H., Salimi, A., & Pashazadeh, F. M. (2012). Emotional intelligence, gender and vocabulary. *Journal Social and Behavioral Sciences* 46, 833 - 837.

- Asliza Awang Kechil. (2004). *Hubungan Tahap Kecerdasan Emosi dengan Tahap Kepuasan Kerja dan Komitmen Terhadap Kerjaya: Satu Kajian Di Kalangan Guru-guru Kaunseling Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru*. Disertasi PhD. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Association for Counselor Education and Supervision (1995). *Ethical guidelines for clinical supervisor*. Alexandria: Author.
- Bakar, A. A., & Afthanorhan, A. (2016). Confirmatory Factor Analysis on Family Communication Patterns Measurement. *Journal of Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 219, 33 - 40.
- Bandura, A. (1982). Self-efficacy mechanism in human agency. *Journal of American Psychologist*, 37, 122 - 147.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations Of Thought And Action: A Social Cognitive Theory*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1992) *Exercise Of Personal Agency Through The Self-Efficacy Mechanisms*. In R. Schwarzer (Ed.), *Self-efficacy: Thought Control Of Action*. Washington, DC: Hemisphere.
- Bandura, A. (1994). Self-efficacy. Ramachaudran (Ed.). *Journal of Encyclopedia of Human Behavior*, 4, 71 - 81.
- Bandura, A. (1995). *Self-Efficacy in Changing Societies*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The Exercise Of Control*. Macmillan, New York: Prantice Hall
- Bankart, C. P. (1997). *Talking cures: A history of Western and Eastern psychotherapies*. Belmont : Thomson Brooks.
- Baron, R. A., & Byrne, D. (2000). *Social Psychology (9th ed.)* Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Bentler, P. M. (1992). On the fit of models to covariances and methodology to the Bulletin. *Journal of Psychological bulletin*, 112, (3): 400 - 404.
- Bernard, J. M., & Goodyear, R. K. (2009). *Fundamentals of clinical supervision (4th ed)*. Needham Heghts. M. A: Allyn and Bacon.
- Beutler, L. E., Machado, P., & Neufeldt, S. A. (1994). *Therapist variables*. In Bergin A. E. & Garfield S. L. (Ed.) *Handbook of psychotherapy and behaviour change*, England: John Wiley.
- Bishop, C., Hudson, V. M., Hilton, S. C., & Wilde, C. (2005). A pilot study of the effect of inhaled buffered reduced glutathione on the clinical status of patients with cystic fibrosis. *Chest Journal*, 127(1): 308 - 317.

- Bodenhorn, N., & Skaggs, G. (2005). Development of the school counselor self-efficacy scale. *Journal of Measurement and Evaluation in Counseling and Development, 38*(1): 14 - 28.
- Bollen, K. A. (1989). *Structural Equations with Latent Variables*. New York: John Wiley.
- Borders, L. D., & Usher, C. H. (1992). Post-degree supervision: Existing and preferred practices. *Journal of Counseling and Development, 70*(5): 594 - 599.
- Boyatzis, R. E., Goleman, D., & Rhee, K. (2000). *Clustering competence in emotional intelligence*. Dlm. R. Bar-On & J. D. Parker (Ed.). *The Handbook of emotional intelligence: Theory development, assessment, and application at home, school, and in the workplace*, San Francisco: Jossey - Bass.
- Bradley, L. J., & Ladany, N. (2001). *Counselor Supervision: Principles, Process and Practice (3rd ed.)*, Philadelphia: Brunner - Routledge.
- Browne, M. W., & Cudeck, R. (1989). Single sample cross-validation indices for covariance structures. *Journal of Multivariate Behavioral Research, 24*(4): 445 - 455.
- Brott, P. E., & Myers, J. E. (1999). Development of professional school counselor identity. *Journal of Professional School Counseling, 2*(5): 339 - 348.
- Buchbinder, E. (2007). Being a social worker as an existential commitment: From vulnerability to meaningful purpose. *Journal of The Humanistic Psychologist, 35*(2): 161 - 174.
